

Headline	Kerani Tabung Haji terima rasuah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 May 2014	Color	Black/white
Section	Mahkamah & Jenayah	Circulation	40,000
Page No	55	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	89 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 797
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,392



## Kerani Tabung Haji terima rasuah

**KUALA LUMPUR** - Seorang kerani di Lembaga Tabung Haji dihukum penjara empat tahun, dan denda RM40,000 oleh mahkamah sesyen, di sini semalam, selepas didapati bersalah menerima rasuah untuk langkau giliran, membolehkan 27 jemaah mengerjakan haji atau 'Haji Ekpress'.

Roslan Mohamed Som, 47, juga diperintah penjara 16 bulan jika gagal membayar denda itu.

Rakannya juga juruanalisis kanan, Afizul Md Yasin dihukum tiga tahun penjara dan denda RM60,000 atau lapan bulan penjara sekiranya gagal bayar denda, selepas didapati bersalah mengubahsuai kandungan pangkalan data sistem haji itu.

Hakim Mat Ghani Abdullah membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman penjara dan denda namun jamin-

an dinaikkan dari RM20,000 ke RM30,000 dengan seorang penjamin setiap seorang.

Pada 9 Februari 2012, Roslan didakwa menerima suapan tunai RM6,750 sebagai upah menolong menguruskan 27 jemaah haji tidak layak menunaikan haji pada 2010, supaya dapat menunaikan haji waktu itu.

Roslan dari Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan dituduh menerima wang itu daripada Samsudin Ibrahim di Jalan Raja Muda Musa, Kampung Baru, di sini antara 3.30 petang dan 4 petang, 15 Julai 2010.

Afizul didakwa dengan tiga tuduhan membuat capaian ke pangkalan data Tabung Haji dan memasukkan rekod nama 27 jemaah menggunakan program komputer di tingkat 13, ibu pejabat Tabung Haji di sini, antara 10.55 pagi dan 11.10 malam, pada Jun dan Julai 2010.